

KBS perlu halusi semula Akta Pembangunan Sukan 1997

Oleh Hussain Said
hussain@bharian.com.my

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) disaran supaya memperhalusi semula Akta Pembangunan Sukan 1997 agar ia lebih dihormati serta mempunyai kredibiliti dan bukan dijadikan 'bahan jenaka' oleh persatuan sukan kebangsaan.

Saranan itu dikemukakan bekas Naib Presiden Persatuan Taekwondo Malaysia (MTA), Nur Ekmal Buhary yang menyifatkan akta berkenaan terlalu longgar dan tidak relevan menyebabkan ia dipertikaikan dan tidak dihormati.

"Saya sendiri berpengalaman dalam menghalusi akta ini bersama barisan peguam ketika isu kontroversi membabitkan pengantungan MTA dan mendapati ia terlalu longgar serta boleh dicabar sekiranya sesuatu isu itu dibawa ke mahkamah.

"Sekiranya akta itu jelas dan terang dari segi peranan serta bidang kuasa Pesuruhjaya Sukan, saya percaya ia tidak akan menimbulkan sebarang masalah dan pertikaian oleh persatuan sukan kebangsaan," katanya, semalam.

Mesyuarat Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Sabtu lalu bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Pe tugas Khas bagi mengkaji semula akta berkenaan supaya lebih berkesan dan 'mesra' dengan persatuan sukan kebangsaan.

Setiausaha Kehormat MOM, Datuk Sieh Kok Chi, berkata jawatankuasa khas itu ditubuhkan selepas ahli gabungan ba-



“ Ia perlu lebih dihormati serta mempunyai kredibiliti dan bukan dijadikan 'bahan jenaka' oleh persatuan sukan kebangsaan”

**Nur Ekmal
Buhary**

Bekas Naib Presiden MTA

dan induk itu membangkitkan beberapa tindakan dan keputusan 'pelik' yang diputuskan Pesuruhjaya Sukan berhubung beberapa isu.

Nur Ekmal berkata, sebenarnya negara mempunyai ramai pemimpin dan individu komited menunjangi persatuan sukan namun ketelusan pihak berwajib khususnya Pesuruhjaya Sukan amat dituntut.

"Ini adalah untuk memastikan suasana harmoni di kalangan penggiat sukan dan kerajaan dapat diwujudkan. Apa yang berlaku ketika ini banyak tindakan diputuskan Pesuruhjaya Sukan mengundang prejudis," katanya.